

Tentera di pulau

Oleh Shamsul Kamal Amarudin

BH 14 OCT 2000

SEMPORNA, Jumaat – Pasukan tentera yang ditempatkan di perairan pantai timur Sabah termasuk penempatan di pulau-pulau, dijangka mendapat kemudahan infrastruktur asas serta kelengkapan pertahanan tambahan, sebelum akhir tahun ini.

Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, berkata Kerajaan Persekutuan bersetuju mengeluarkan peruntukan khas bagi membiayai perbelanjaan itu, dalam tempoh tiga bulan ini.

"Ketika ini, Kementerian Pertahanan sedang melakukan perancangan berhubung perkara berkenaan," katanya ketika berucap kepada anggota tentera yang terbabit dalam lati-

Kerajaan juga bersetuju ketiga-tiga pasukan tentera darat, udara dan laut, termasuk Grup Gerak Khas serta 10 Briged Para, mengawasi perairan pantai timur Sabah secara berterusan

han 'Eksesais Pasir Sandera' di Pulau Pandanan, di sini hari ini.

Akhbar *Berita Harian* dan *New Straits Times* sebelum ini menyiarkan laporan mengenai masalah kemudahan asas khususnya bekalan air bersih yang dihadapi anggota tentera darat yang ditempatkan di pulau sekitar perairan pantai timur Sabah.

Dalam reaksi segeranya selepas itu, Menteri Per-

tahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, mengakui masalah yang dihadapi anggota tentera terbabit kerana mereka ditempatkan dengan serta-merta, berikutan kejadian penculikan di Pandanan pada 10 September lalu, serta pergolakan di selatan Filipina.

Ketika ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menempatkan dua batalion tentera daratnya di 18 pulau serta tiga kawasan

perisiran pantai dari kawasan perairan Kudat hingga ke Tawau.

Pada masa sama, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memperuntukkan 28 bot dengan 18 daripadanya digunakan untuk rondaan pada satu-satu masa manakala Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menggunakan dua helikopter Nuri, masing-masing satu helikopter C130 dan pesawat ringan Beachcraft, serta tiga pesawat pejuang Hawk, untuk meronda sepanjang masa.

Zahidi berkata, beliau bersama Najib sudah mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu, dan Perdana Menteri bersetuju de-

dapat kemudahan

ngan rancangan ATM mempertingkat keselesaan anggota tentera yang bertugas di pantai timur Sabah, serta mengatasi sebarang kekurangan peralatan untuk memperketat lagi kawalan di perairan Sabah.

Selain itu, katanya, kerajaan juga bersetuju supaya ketiga-tiga pasukan tentera darat, udara dan laut, termasuk Grup Gerak Khas serta 10 Briged Para, mengawasi perairan pantai timur Sabah secara berterusan, dan bukannya bersifat jangka pendek semata-mata.

Bercakap kepada pemberita sebelum itu, Zahidi berkata, pihaknya berharap mendapat beberapa peralatan tambahan seperti kemudahan alat komu-

nikasi canggih, peralatan penyamaran waktu malam, teropong malam serta radar, bagi mempertingkat lagi pengawasan di kawasan berkenaan.

Beliau juga berkata, sejak ATM menempatkan anggotanya di situ pada 19 September lalu sehingga semalam, pihaknya sudah menggeledah 147 bot dengan 57 daripadanya ditahan kerana membawa mereka yang diragui identitinya.

Daripada itu, seramai 396 orang ditahan kerana dipercayai pendatang tanpa izin. Ia membabitkan 181 penduduk selatan Filipina, 197 rakyat Indonesia serta 18 orang yang tidak diketahui warganegaraanya.

"Dalam tempoh dua

minggu awal operasi kami iaitu 19-29 September, banyak bot dari luar sempadan cuba masuk ke negara ini, tetapi sejak 1 Oktober lalu, terdapat penurunan dalam jumlah bot yang cuba masuk secara haram ke perairan negara ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Zahidi berkata, pihaknya merancang mempererat kerjasama dengan pasukan tentera Filipina di kawasan berhampiran perairan masing-masing.

Menurut beliau, ia dilakukan melalui latihan bersama antara TLDM dengan tentera laut Filipina yang dinamakan Malphi 2/2000 bermula Isnin lalu dan berakhir esok manakala Malphi 3/2000

akan diadakan pada 13 hingga 20 November depan.

Sementara itu, Eksesais Pasir Sandera pagi ini yang membabitkan 631 pegawai dan anggota pasukan tentera darat, TUDM serta TLDM, bertujuan menguji keupayaan aset serta kemahiran tentera sedia ada.

Selain itu, ia memberi peluang kepada ketiga-tiga perkhidmatan pasukan bersenjata itu bekerjasama dalam menghadapi sebarang situasi tidak diingini khususnya menyelamatkan tebusan.

Hadir sama ialah Panglima Satu Divisyen, Mej Jen Datuk Mohd Azumi Mohamed serta Panglima 5 Briged, Brig Jen Datuk Khalid Saad.